

Puteri mahu tindakan tegas diambil ke atas pengkhianat

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Puteri UMNO mahu tindakan tegas diambil ke atas ahli yang menjadikan parti sebagai tempat untuk mengaut untung dan sanggup mengkhianatinya demi kepentingan diri sendiri.

Ketua pergerakan itu, Azalina Othman Said berkata, tindak-tanduk golongan pengkhianat itu melahirkan 'mushab dalam selimut' lantas mengubah wajah keluarga UMNO yang dulu dikenali kerana kesetiaan dan kepercayaan sesama ahli.

"Kita tidak tahu siapa yang kita hendak percaya, kita ti-

dak tahu nasihat yang mana perlu kita ikut.

"Oleh itu permintaan Puteri ialah jika ada orang atau ahli UMNO yang menjadikannya tempat untuk mendapat keuntungan dan mereka menjual parti untuk diri sendiri, maka kita percaya tindakan perlu diambil kerana mereka adalah pengkhianat bangsa, agama dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyokong usul terima kasih atas ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung UMNO Ke-54, di sini hari ini.

Menurutnya, Puteri UMNO amat beruntung kerana dilahirkan pada era kepimpinan Dr. Mahathir dan zaman peralihan kuasa secara harmoni dalam parti.

Beliau berterima kasih kepada Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri kerana berjaya mengangkat martabat dan keyakinan diri rakyat Malaysia setaraf warga dunia.

Bagi Puteri UMNO dan golongan wanita muda, katanya, pembangunan yang dicapai telah menyediakan platform yang sesuai untuk kemajuan kaum wanita dalam semua aspek.

Azalina menegaskan Puteri UMNO berikrar akan mengikut nasihat Dr. Mahathir agar berkorban dengan mengetepikan pangkat dan jawatan demi perjuangan orang Melayu.

"Kesimpulannya kami generasi yang dibesarkan dan dididik dengan nilai-nilai Dr. Mahathir, maka sesiapa juga dan di dalam Dewan Merdeka ini cuba menggadai, menjahanam, menghancurkan dan mengkhianati UMNO, berhadapanlah dengan anak-anak Dr. Mahathir (iaitu) Pergerakan Puteri UMNO Malaysia," katanya.